

Pelajar fakulti syariah Usim sertai kem motivasi

Oleh Rosniza Mohd Taha

yoniza@bharian.com.my

SERAMAI 500 pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), mendapat suntikan semangat dan motivasi diri menerusi Kem Gemilang FSU yang dikendalikan pakar motivasi terkenal, Datuk Dr Mohd Fadzilah Kamsah, di Bandar Baru Nilai,

baru-baru ini.

Program bertemakan *Mengangkasa Kecemerlangan Diri untuk Menjana Pelajar Terbilang* mendedahkan pelajar kepada analisa sendiri, teknik belajar, komunikasi pembelajaran, keseimbangan kehidupan dan rangka tindakan merealisasikan kecemerlangan di institusi pengajian tinggi.

Pelajar tahun tiga FSU, Muhammad Khairil Kamarudin, 22,

berkata program itu meningkatkan motivasi kerana banyak tip berguna diberikan untuk memajukan diri mencapai kejayaan.

"Antara peringatan diberikan adalah kecenderungan kebanyakan pelajar mudah mengagumi kehebatan orang lain sehingga tidak sedar kelebihan dan kebolehan diri sendiri.

"Ini menyedarkan saya untuk lebih yakin dengan kebolehan

sendiri, berusaha, berdoa dan beristiqamah supaya segala usaha dipermudahkan Allah," katanya.

Nur Afiqah Norman, 21, pula berkata kursus itu menambahkan semangat dan menyedarkannya bahawa kepentingan mengenali potensi diri dengan mencari kemahiran boleh dibanggakan serta tampil yakin berdepan dengan masyarakat.